



JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERAK

NOVEMBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Latihan Amali ini yang disediakan

Oleh

Maizatul Aslina Binti Ali

2007206464

Proses Perolehan Tender

**Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperoleh
Diploma Bangunan.**

Penyelia Laporan

Sr. Anas Zafirof Abdullah Halim

Koordinator Latihan Amali

En. Mohamed Rizal Mohamed

Koordinator Program

Sr. Azamuddin B Husin

(Tandatangan)

JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERAK

NOVEMBER 2009

PERAKUAN PELAJAR

Adalah dengan ini, hasil kerja penulisan Laporan Latihan Praktikal ini telah dihasilkan sepenuhnya oleh saya kecuali seperti yang dinyatakan melalui latihan praktikal yang telah saya lalui selama 6 bulan mulai 18 Mei 2009 hingga 20 November 2009 di MSA BINA SDN BHD . Ianya juga sebagai salah satu syarat lulus kursus BLD 299 dan diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperoleh Diploma Bangunan.

.....

Nama : Maizatul Aslina Bt ali

No KP UiTM : 2007206464

Tarikh : 20 November 2009

SEKAPUR SIREH

Alhamdulillah syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyiapkan laporan latihan praktikal dalam tempoh yang telah ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan dan jutaan terima kasih kepada semua individu dan pihak-pihak yang terlibat dalam membantu saya dengan memberi perangsang, tunjuk ajar dan meluangkan masa kepada saya terutama sekali En. Mohd Sabri Alwi, Pengarah Urusan MSA BINA Sdn Bhd, Pengurus Projek MSA BINA Sdn Bhd iaitu En Abd Aziz b Abd Manaf selaku penyelia saya, Cik Nor Aidayani bt Mohd Hassan selaku pembantu penyelia saya. Tidak dilupakan kepada penyelia pelajar saya iaitu En Anas Zafirool Abdullah Halim yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya serta semua pensyarah Jabatan Bangunan Universiti Teknologi Mara, Seri Iskandar. Sekalung penghargaan buat kedua ibu bapa saya yang terlalu banyak membimbing dan membantu saya sepanjang tempoh latihan praktikal ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Tender terbuka adalah salah satu jenis tender yang dikemukakan oleh klien kepada kontraktor yang berkeelayakan. Biasanya tender ini diiklankan kepada orang awam di dalam akhbar. Laporan ini menerangkan beberapa prosedur yang terlibat dalam proses perolehan sesebuah tender. Antara objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui beberapa peringkat, tatacara dan prosedur yang berkenaan dengan proses tender dan mengenal pasti jenis kontraktor yang layak sebelum memperolehi sesuatu tender. Laporan ini menerangkan beberapa proses perolehan tender bagi “Cadangan Projek Pembinaan Kompleks Akademik (Fasa 1) Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) Kampus KUSZA, Kuala Terengganu, Terengganu”. Antara beberapa proses yang terlibat ialah pegiklanan tawaran, lawatan tapak oleh petender, pembelian tender, deposit tender/tempoh sah tender, pengisian dokumen tender, penyerahan dokumen tender yang telah lengkap, pemilihan petender yang berkeelayakan, penyerahan surat niat dan surat setujuterima dan kontrak. Proses penilaian petender yang layak akan dilakukan oleh klien berdasarkan beberapa syarat yang telah dinyatakan dalam dokumen tender.

Sekapur Sireh	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	vi
Senarai Gambarfoto	vii
Senarai Lampiran	viii
Senarai Singkat Kata	ix

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pemilihan Tajuk Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Skop Kajian	4
1.5	Kaedah Kajian	5
BAB 2.0	LATAR BELAKANG SYARIKAT	
2.1	Pengenalan	7
2.2	Sejarah Penubuhan Syarikat	8
2.3	Objektif Syarikat	9
	2.31 Visi	10
	2.32 Misi	10
2.4	Carta Organisasi	11
2.5	Senarai Projek Yang Telah Siap	12
BAB 3.0	KAJIAN TEORITIKAL	
3.1	Pengenalan	26
3.2	Proses Perolehan Tender	27
	3.2.1 Perancangan	28
	3.2.2 Spesifikasi	28
	3.2.3 Dokumen Tender	30

PROSES PEROLEHAN TENDER

3.2.4	Iklan Tender	31
3.2.5	Proses Jual Beli Tender	32
3.2.6	Deposit Tender	33
3.2.7	Masa Tutup Tender	33
3.2.8	Jawatankuasa Pembuka Tender	34
3.2.9	Penilaian Tender	35
3.2.10	Pemilihan Tender Yang Berjaya	36
3.2.11	Lembaga Perolehan / Tender	38
3.2.12	Surat Niat	38
3.2.13	Surat Setujuterima	39
3.2.14	Kontrak	39
3.2.15	Syarat-Syarat Penyertaan Kontrak	40
3.2.16	Kontrak Pusat	40
BAB 4.0	KAJIAN KES	
4.1	Pengenalan	41
4.2	Pengiklanan Kenyataan Tawaran Dalam Surat Khabar	43
4.3	Lawatan Tapak Oleh Petender	46
4.4	Proses Pembelian Dokumen Tender	47
4.5	Deposit Tender / Tempoh Sah Tender	48
4.6	Memahami Kandungan Dokumen Tender	49
4.7	Mengisi Dan Melengkapkan Dokumen Tender	50
4.8	Penyerahan Dokumen Tender Yang Telah Lengkap	53
4.9	Pemilihan Petender Yang Telah Berjaya Oleh Klien	55
4.10	Surat Niat	56
4.11	Surat Setujuterima	56
4.12	Kontrak	57

PROSES PEROLEHAN TENDER

BAB 5.0	MASALAH KAJIAN DAN CARA MENGATASI	
5.1	Pengenalan	59
5.2	Masalah dan Cara Mengatasi	
5.2.1	Kesilapan Mengisi Dokumen Tender	59
5.2.2	Penyerahan Dokumen Tender Lewat	60
5.2.3	Addenda Tambahan Tidak Dimaklumkan Lebih Awal	60
5.2.4	Kelewatan Maklumbalas Daripada Pihak Pembekal	61
5.2.5	Penerimaan Dokumen Tender Lewat	61
5.2.6	Masalah Birokrasi	62
BAB 6.0	KESIMPULAN	63
	SENARAI RUJUKAN	64
	LAMPIRAN	65

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	Carta alir teoritikal proses perolehan tender	27
Rajah 3.2.8	Faktor Penilaian Tender	36
Rajah 3.2.10	Susunan Kriteria Dengan Nilai Jangkaan Paling Besar Serta Nilai Jangkaan Paling Rendah	37
Rajah 4.1	Carta Alir Proses Perolehan Tender	42

SENARAI GAMBARFOTO

Gambarfoto 4.2	Pengiklanan Kenyataan Tawaran	45
Gambarfoto 4.3	Dokumen Yang Perlu Dibawa Semasa Lawatan Tapak	46
Gambarfoto 4.7	Dokumen Tender	52
Gambarfoto4.8 (i)	Dokumen Tender Yang Telah Siap Dibungkus	54
Gambarfoto 4.8 (ii)	Penyerahan Dokumen Tender	54
Gambarfoto 4.12	Dokumen Kontrak	58

SENARAI LAMPIRAN

Spesifikasi Kontrak

Form of Tender –JKR 203B(Pind.4/2005)

Borang Tender

Surat Setujuterima Tender

Borang bagi kontrak yang mana Senarai Kuantiti menjadi sebahagian daripada kontrak

SENARAI SINGKAT KATA

UiTM Universiti Teknologi MARA

CIDB Construction Industry Development Board

PKK Pusat Khidmat Kontraktor

UDM Universiti Darul Iman Malaysia

JKR Jabatan Kerja Raya

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tender ialah suatu kenyataan yang dikeluarkan kepada seseorang untuk melakukan kerja di samping mendapatkan persetujuan daripada pihak yang berkenaan (Saidin, 1998).

Menurut March (2003) pula, proses menender merupakan proses taktikal bagi pemilihan satu-satu pihak bagi membekalkan suatu perkhidmatan, produk atau item kerja. Tanpa menghiraukan mekanisme pemilihan, proses tawaran dan penerimaan perlu ada di dalam tender. Ia merupakan suatu proses bertaktik sebagai keputusan yang strategik terhadap suatu pihak serta skop kerja yang telah pun dikenalpasti.

Tender merupakan proses utama yang dilakukan oleh klien untuk mendapatkan kontraktor yang layak. Pemilihan kontraktor biasanya dibuat melalui pertandingan yang melibatkan perbandingan antara perkara tertentu seperti harga dan masa pembinaan. Ini adalah antara faktor utama pemilihan kontraktor selain reputasi serta pengalaman kontraktor tersebut.

1.2 Pemilihan Tajuk Kajian

Sepanjang menjalani latihan amali selama enam bulan di MSA Bina Sdn. Bhd., saya banyak ditugaskan untuk membeli, mengisi dan melengkapkan dokumen tender untuk pihak syarikat. Oleh sebab itu, saya mengambil keputusan untuk menjadikan proses perolehan tender sebagai tajuk laporan amali saya untuk semester lima ini. Sepanjang diberi tugas untuk melengkapkan dokumen tender ini, saya dapat mendalami proses-proses tender dengan lebih mendalam dalam memperolehi sesuatu projek. Selain itu, bantuan daripada staf-staf MSA Bina Sdn. Bhd. sedikit sebanyak membantu saya menyiapkan laporan ini.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui dan memahami dengan lebih mendalam tentang proses yang terlibat dalam perolehan sesebuah tender. Antaranya ialah:

1. Untuk mengenal pasti jenis kontraktor yang layak dan memenuhi syarat sebelum memasuki sesuatu tender.
2. Untuk mengetahui beberapa peringkat, tatacara dan prosedur yang berkenaan dengan proses tender.
3. Mengenalpasti kriteria atau faktor yang mempengaruhi proses pemilihan kontraktor sebelum dianugerahkan sesuatu projek.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini dibuat merangkumi beberapa skop. Antaranya ialah:

1. Mengetahui dengan lebih terperinci tentang perjalanan proses tender.
2. Mengetahui pihak-pihak yang terlibat dalam proses tender.
3. Mengetahui dengan lebih mendalam mengenai setiap proses yang terdapat dalam prosedur perolehan tender.

1.5 Kaedah Kajian

Terdapat beberapa kaedah yang saya gunakan dalam menyiapkan laporan ini. Antaranya ialah:

1. Rujukan

Secara umumnya, hampir keseluruhan laporan ini berpandukan kepada buku-buku rujukan iaitu daripada buku-buku pelajar senior, buku rujukan perpustakaan dan rujukan daripada contoh-contoh dokumen tender yang terdapat di Syarikat MSA Bina Sdn. Bhd.

2. Pemerhatian

Sepanjang menjalani latihan amali, saya banyak menggunakan kaedah pemerhatian dalam mempelajari prosedur pengurusan tender. Kaedah ini amat berkesan dalam meningkatkan kefahaman saya dalam bidang ini dengan lebih jelas.

3. Pengalaman

Selain itu, saya juga diberi kesempatan untuk melengkapkan dokumen tender untuk syarikat. Pengalaman ini amat berguna bagi saya dalam menyiapkan laporan ini.

4. Temuramah

Kaedah lain yang saya gunakan ialah melalui menemuramah staf-staf MSA Bina Sdn. Bhd. Kaedah ini amat berkesan selain dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam diri.

5. Media elektronik

Kaedah ini merupakan kaedah yang sangat penting dan berkesan dalam mendapatkan maklumat. Contoh kaedah ini ialah internet.

BAB 2

LATAR BELAKANG SYARIKAT

2.1 Pengenalan



MSA Bina Sdn. Bhd. merupakan sebuah badan swasta yang berperanan sebagai pemacu pembangunan negeri Terengganu. Syarikat yang pada mulanya hanya bertapak pada kelas F dan kini megah pada kelas A.

Syarikat ini merupakan syarikat kejuruteraan awam yang banyak membina dan menyiapkan projek-projek infrastruktur di negeri Terengganu ini. Antaranya adalah seperti pembinaan jalan raya, membina sekolah dan asrama, bangunan-bangunan awam dan juga kerja-kerja awam seperti pembersihan sekolah.

MSA Bina Sdn. Bhd. yang bertapak di No. 41, tingkat 1 & 2, Jalan Kampung Dalam, 20100, Kuala Terengganu ini telah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Kementerian Kewangan Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Petronas Nasional Berhad dan Syarikat Perumahan Negara Berhad.

2.2 Sejarah Penubuhan Syarikat

Setelah hampir 10 tahun bergiat aktif di dalam bidang kontraktor kelas F, maka dengan langkah beraninya Mohd Sabri b. Alwi telah menubuhkan MSA Bina Sdn. Bhd. pada 22.12.1995 dalam kelas D untuk bergiat dengan lebih aktif di dalam bidang kontraktor untuk memajukan diri serta menyahut seruan kerajaan bagi menguatkan lagi usaha untuk terus maju dalam memenuhi wawasan menjelang 2020 menjadi sebuah syarikat kontraktor yang berjaya dalam pelbagai bidang yang akan diceburi.

MSA Bina Sdn. Bhd. terus berusaha dengan lebih gigih tekun dan berwawasan untuk terus maju ke depan dan menaikkan taraf dari kelas D kepada kelas C pada 11Julai 2000. MSA Bina Sdn. Bhd. terus berusaha dengan gigih lagi bagi memajukan perniagaan dan telah mencapai kata sepakat dengan menaikkan taraf syarikat kepada kelas B yang berkuatkuasa pada 20 Januari 2003 dan pada 19 Mac 2007 syarikat ini telah berjaya menaikkan taraf ke kelas A.

MSA Bina Sdn. Bhd. semakin aktif menjalankan perniagaan sebagai kontraktor di dalam kerja-kerja pembinaan jalan dan kerja-kerja menaiktaraf jalan serta kerja-kerja pembinaan infrastruktur. Di samping itu, MSA Bina Sdn. Bhd. juga menyediakan perkhidmatan membekalkan tenaga kerja yang mahir dalam penggunaan kenderaan atau jentera seperti lori, traktor, paver, excavator dan roller. MSA Bina Sdn. Bhd. juga mempunyai kemudahan kredit di kauri-kuari seperti BABENA Dagangan (Trg) Sdn. Bhd, BABENA Mix Industries Sdn. Bhd, BABENA Pile Sdn. Bhd. Dinaco Sdn. Bhd, MULIA Bersatu Sdn. Bhd, PASIR Trahabun Sdn. Bhd, Bukit Jong Quarry Sdn. Bhd, NK Fire Protection And Engineering, Amtrack (M) Sdn. Bhd, UNION Motors & Electrical Supplies Sdn. Bhd, HARA Bricks Trading, Hampatan Premix Sdn. Bhd. dan banyak lagi.

2.3 Objektif Syarikat

Bagi mencapai polisi kualiti ini, MSA Bina Sdn. Bhd. adalah komited untuk memastikan objektif-objektif berikut dicapai:

- a. Wargakerja MSA Bina Sdn. Bhd. memahami dan melaksanakan cara kerja mengikut polisi kualiti dan Sistem Pengurusan Kualiti, dengan mengutamakan kualiti produk ke atas kesempurnaan untuk memastikan:
 - i. Keuntungan minima 15% bagi setiap projek kecuali projek kos rendah.
 - ii. Pematuhan masa dan kos sebagaimana dalam kontrak.
 - iii. Penjualan 100% sebelum memperoleh Certificate of Making Good Defect (CMGD).
 - iv. Jumlah aduan yang berkurangan dari projek ke projek.
- b. Bertindakbalas ke atas aduan-aduan yang diterima dengan segera dalam tempoh 3 hari.
- c. Memastikan sekurang-kurangnya 50% wargakerja MSA Bina Sdn. Bhd. yang berkaitan dengan pembangunan projek menghadiri kursus sekurang-kurangnya sekali setahun supaya menjadi terlatih dan berkeupayaan untuk melaksanakan tugas masing-masing.
- d. Memastikan audit kualiti dalaman yang dilantik melaksanakan kerja-kerja audit sekurang-kurangnya sekali setahun.
- e. Memastikan peningkatan dalam sistem pengurusan kualiti secara berterusan melalui mesyuarat kajian semula pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

2.31 Visi


- a. MSA Bina Sdn. Bhd. akan menjadi syarikat pemaju dan pengurusan hartanah yang unggul serta dinamik dengan mengutamakan teknologi terbaru dan kualiti perkhidmatan yang cemerlang.
- b. MSA Bina Sdn. Bhd. akan membangunkan pusat bandar dan perumahan yang terancang dan berkualiti bagi memenuhi matlamat penyusunan semula masyarakat.

2.32 Misi

- a. Melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan bagi mencapai matlamat MSA Bina Sdn. Bhd.
- b. Menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan untuk mencapai pulangan yang optimum.
- c. Memberikan perkhidmatan dan menghasilkan produk yang berkualiti.
- d. Meningkatkan prestasi secara berterusan.
- e. Meningkatkan sistem pengurusan kualiti secara berterusan.

2.4 Carta Organisasi

Carta 2.0: Carta Organisasi Syarikat MSA Bina Sdn. Bhd.



2.5 Senarai Projek Yang Telah Siap

KERJA-KERJA YANG DILAKSANAKAN DALAM KELAS "A"
MSA BINA SDN. BHD

Bil	Nama Projek	Jabatan	Harga Projek RM	Mula/Siap
1.	Cadangan Membina Dan Menaiktaraf Jalan di Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Gong Badak, Kuala Terengganu.	JABATAN KERJA RAYA NEGERI TERENGGANU	8,000,000.00	01/012008 hingga 19/05/2008
2.	Cadangan Projek Pembinaan Kompleks Akademik (FASA 1) Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) Kampus KUSZA, Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu.	UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA	11,000,000.00	23/11/2008 hingga 23/05/2010

KERJA-KERJA YANG DILAKSANAKAN DALAM KELAS “B”
MSA BINA SDN. BHD

Bil	Nama Projek	Jabatan	Harga Projek RM	Mula/Siap
1.	Kontrak Membekal Dan Membaru Muka Jalan Negeri Bagi Daerah Kuala Terengganu Dan Marang Untuk Tahun 2005/2006	JABATAN KERJA RAYA NEGERI TERENGGANU	6,559,700.00	15/07/2005 31/12/2006
2.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan 1 Blok Asrama 1 Blok Pejabat, Akademik Dan Sebuah Surau MARPA Di Atas Lot 1619 Mukim Binjal, Kemaman, Terengganu.	YAYASAN ISLAM TERENGGANU	7,470,114.26	15/12/2005 15/03/2007
3.	Membina Dan Menyiapkan Saliran Utama Tok Adis, Kuala Ibai, Kuala Terengganu.	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN	3,305,195.00	16/04/2006 17/03/2008
4.	Kerja -Kerja Perkhidmatan Mengangkut Sampah, Membersih Longkang & Parit, Pemetongan Rumput, Pembersihan Jalan Serta Lorong Lorong Diantaranya Bagi Zon Selatan 4 Kuala Terengganu.	MAJLIS PERBANDARAN KUALA TERENGGANU	521,045.28	01/08/2006 31/07/2007

PROSES PEROLEHAN TENDER

5.	Pembinaan Jalan Dari Simpang Felda Neram 1 ke Sempadan Balok, Jabor, Kemaman, Terengganu.	LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH	8,450,000.00	25/11/2006 09/11/2007
6.	Perkhidmatan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan Untuk Jabatan Pendidikan Terengganu – ZON 1 KUALA TERENGGANU- A Tempoh 01 Jan 2007 hingga 31 Dis 2009	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	1,328,400.00	01/01/2007 31/12/2009
7.	Kontrak Membekal Dan Membaru Muka Jalan Negeri Bagi Daerah Kuala Terengganu Dan Marang Untuk Tahun 2007/2008	JABATAN KERJA RAYA NEGERI TERENGGANU	6,998,000.00	21/05/2007 31/12/2008
8.	Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Bangunan Canselori Dan Pentadbiran Di Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu Darul Iman.	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU	473,420.00	01/09/2007 31/08/2009

KERJA KERJA YANG DILAKSANAKAN DALAM KELAS “C”
MSA BINA SDN. BHD

Bil	Nama Projek	Jabatan	Harga Projek RM	Mula/Siap
1.	Menjalankan Kerja-Kerja Perabot Terbina (Built – In) Di 12 Unit 3 ¼ Tingkat Ruang Kedai Dan Pejabat kepada Politeknik Kota diatas Lot 2646 & 2647, Jalan Tengku Ampuan Mariam dan Jalan Pejabat, Kuala Terengganu.	EMARCON SDN.BHD	315,000.00	26-09-2000 26-02-2001
2.	Membekal Dan Menanam Pokok Pokok Teduhan Dan Pokok Pokok Hiasan Bagi Menyiapkan Landskap Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Kawasan Pusat Kegiatan Masyarakat (KEMAS) Dungun, Terengganu.	MERBUK BUILDERS	29,936.00	12-11-2000 18-01-2001

PROSES PEROLEHAN TENDER

3.	Cadangan Perolehan Perumahan & Bangunan Polis Di Raja Malaysia, Di Sepang, Selangor. (Membina & Menyiapkan Ibu Pejabat Polis Daerah)	WATABINA SDN.BHD	7,500.000.00	2000
4.	Membekal Kerusi (Perabot)	KOLEJ UNIVERSITI TERENGGANU	14,700.00	14/04/2001 13/05/2001
5.	Membekal Dan Memasang Perabot Untuk Bangunan Pejabat Dan Pusat Inkubator di SIRIM Berhad Cawangan Pantai Timur, Terengganu.	SIRIM BERHAD	75,679.00	15/05/2001 14/06/2001
6.	Provatization Of Peninsular Federal Roads Maintenance Routine Maintenance Works : State :R3 – Terengganu Section :T2 – Kerteh Route 122/128 Jalan Jerangau – Jabor	ROADCARE (M) SDN.BHD	451,168.20	01/06/2001 30/11/2002
7.	Membina Dan Menyiapkan Satu (1) Blok Bangunan Sekolah Dua (2) Tingkat Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Sek. Men. Matang, Hulu Terengganu, Terengganu.	TEGAK WIBAWA SDN. BHD	1,156.749.00	15/07/2001 14/01/2002

PROSES PEROLEHAN TENDER

8.	Membina Dan Menyiapkan Blok Dewan Perhimpunan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Sekolah Menengah Seri Dungun, Dungun, Terengganu.	JABATAN KERJA RAYA TERENGGANU	1,939,900.00	16/02/2002 15/10/2002
9.	Membina Dan Menyiapkan Kuarters Guru Kelas "F" Tiga (3) Tingkat Enam (6) Unit Di Sek. Keb. Lepar Hilir 3, Kuantan, Pahang Darul Makmur.	JABATAN KERJA RAYA KUANTAN	1,381.005.00	14/03/2002 23/10/2002
10.	Membina Dan Menyiapkan Satu (1) Blok Bangunan Tambahan Tiga (3) Tingkat Dan Satu (1) Blok Bangunan Makmal Empat (4) Tingkat Serta Kerja Kerja Berkaitan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Landas, Hulu Terengganu, Terengganu.	JABATAN KERJA RAYA (Unit Pengurusan Projek Wilayah KETENGAH)	5,179,410.00	01/04/2002 30/11/2002

PROSES PEROLEHAN TENDER

11.	<p>Privatization Of Peninsular Federal Roads Maintenance Routine Maintenance Works: State : R3 – Terengganu Section: T2 – Kerteh Route FT 122 – Simpang Laluan 14 / Satong / Paka. Route FT 3686 – Jalan Masuk GPP 5 & Kg Tok Arun, Paka.</p>	<p>ROADCARE (M) SDN. BHD</p>	<p>162,288.00</p>	<p>01/03/2003 29/02/2004</p>
12.	<p>Projek Jalan Dari Lusuk Lesung Ke Kg. Pelantoh, Daerah Kemaman, Terengganu Darul Iman. LKTT/ 17/2002</p>	<p>LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH</p>	<p>2,099,352.00</p>	<p>01/12/2003 11/07/2004</p>
13.	<p>Perkhidmatan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan Untuk Jabatan Pendidikan Terengganu – Zon KUALA TERENGGANU “A” Tempoh 01 Jan 2004 hingga 31 Dis 2006</p>	<p>KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA</p>	<p>1,395,360.00</p>	<p>01/01/2004 31/12/2006</p>

PROSES PEROLEHAN TENDER

14.	Privatization Of Peninsular Federal Roads Maintenance Works: State: R3 – Terengganu Section: T2 – Kerteh Route FT 122 – Simpang Laluan 14/Satong /Paka. Route FT 3686 – Jalan Masuk GPP 5 & 6 Kg Tok Arun, Paka.	ROADCARE (M) SDN. BHD	229,908.00	01/03/2004 31/08/2005
-----	--	-----------------------------	------------	--------------------------

KERJA-KERJA YANG DILAKSANAKAN DALAM KELAS “D”

MSA BINA SDN BHD

Bil	Nama Projek	Jabatan	Harga Projek RM	Mula/Siap
1.	Supply & Erection 132/11 KV Switchgear & Ancillaries And Civil SDN. BHD Works For TNB Transmission Development 1993. -Drainage, Kerbing & Road Work.	DETRA BINA	348,779.00	01/07/1996 08/02/1997
2.	Pemasangan Paip Air Jenis M.C Bergaris Pusat 300mm dan Kerja-Kerja Berkaitan Dari Tangki Air Cheneh Ke Tangki Air Neram, Kemaman, Terengganu.	JABATAN BEKALAN AIR TERENGGANU	528,840.00	01/01/1997 04/11/1997
3.	Membekal, Membina Dan Menyiapkan Kerja Kerja Infrastruktur serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Perindustrian Wakaf Tapai, Marang, Terengganu. (Peringkat 111)	GABUNGAN PEMBORONG QUARRY SDN. BHD	358,035.00	16/06/1998 15/09/1998

PROSES PEROLEHAN TENDER

4.	Cadangan Pemasangan Paip M.S. 300mm G.P. Di Jalan Abdul Rahman, Chukai, Kemaman. Terengganu. (Cadangan sistem agihan baru Bandar Chukai, Kemaman)	JABATAN BEKALAN AIR TERENGGANU	295,487.00	19.12.1999 30.06.1999
5.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Kg Jonggok Batu Ke Jalan Cemerong, Hulu Terengganu, Darul Iman.	LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH	440,126.00	20.02.1999 12.07.1999
6.	Cadangan Membekal, Membina Dan Menyiapkan Kerja-Kerja Bangunan Dan Infrastruktur Projek Taman Rekreasi Pantai Teluk Bidara, Mukim Kuala Dungun, Daerah Dungun, Terengganu Darul Iman.	MAJLIS DAERAH DUNGUN	427,000.00	21.07.1999 02.02.2000

KERJA-KERJA YANG DILAKSANAKAN DALAM KELAS "F"
MSA BINA SDN BHD

Bil	Nama Projek	Jabatan	Harga Projek RM	Mula/Siap
1.	Membina Dan Menyiapkan Kerja-Kerja Culvert Serta Melapis Dengan Crusher Run Di Hutan Simpan, Merchang, Marang Terengganu.	Pejabat Hutan	95,087.00	02.01.1991 12.02.1991
2.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Tar Di Kawasan Rumah Panjang, Chendering.	M.P.K.T	62,400.00	14.04.1991 22.04.1991
3.	Membina Dan Menyiapkan Sambungan Jalan Tar Di Kawasan Rumah Panjang, Chendering.	Pejabat Daerah	37,900.00	02.05.1991 07.05.1991
4.	Membina Dan Menyiapkan Sambungan Jalan Tar Di Kg Gelugor Raja Ke Kg Gelugor Kedai.	M.P.K.T	49,400.00	08.11.1991 10.11.1991
5.	Melapis Semula Dengan Premix Di Jalan Kenanga Batu Buruk.	M.P.K.T	44,900.00	14.11.1991 16.11.1991
6.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Tar Di Kg Mengabang, Batu Rakit.	Pejabat Daerah	49,500.00	12.01.1992 17.01.1992
7.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Tar Di Kg Linggai, Batu Rakit.	M.P.K.T	49,900.00	19.02.1992 25.02.1992

PROSES PEROLEHAN TENDER

8.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Tar Di Mengabang Alor Lit, Batu Rakit.	M.P.K.T	43,820.00	17.03.1992 22.03.1992
9.	Melapis Semula Dengan Premix Di Kawasan Perumahan Padang Midin, Bukit Payong.	M.P.KT	45,900.00	24.03.1992 26.03.1992
10.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Premix Di Kg Seliding, Serada.	Pejabat Daerah	46,700.00	13.05.1992 15.05.1992
11.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Tar Di Kg Gelugor Kedai.	M.P.K.T	48,900.00	24.05.1992 29.05.1992
12.	Melapis Semula Dengan Premix Jalan Surau Panjang.	Pejabat Daerah	37,000.00	14.06.1992 16.06.1992
13.	Melapis Semula Dengan Premix Di Kawasan Perumahan Durian Burong.	Pejabat Daerah	49,990.00	22.07.1992 22.09.1992
14.	Membina Dan Menyiapkan Sistem Longkang Berjejari Di Hadapan Restoran Nil, Batu Buruk.	M.P.K.T	102,420.00	09.09.1992 12.10.1992
15.	Membina Dan Menyiapkan Tempat Letak Kereta Di Pantai Batu Buruk.	Pejabat Daerah	90,087.00	22.08.1992 27.08.1992

PROSES PEROLEHAN TENDER

16.	Membekal Dan Memasang Dua Buah Billboard Di Sempadan Terengganu / Pahang Dan Dipersimpangan Jalan Masuk Ke Lapangan Terbang.	U.P.E.N TERENGGANU	64,000.00	28.03.93
17.	Membekal Dan Memasang Dua Buah Billboard Di Rantau Abang, Dungun, Terengganu.	U.P.E.N TERENGGANU	19,600.00	12.04.93 20.04.94
18.	Membekal, Membina Dan Menyiapkan Pintu Gerbang Papan Tanda Dan Kerja-Kerja Infrastruktur Dicadangkan Di Komplek Budaya Kraf Tangan Terengganu, Chendering, Kuala Terengganu.	P.M.I.N.T TERENGGANU	350,524.00	16.05.94 04.10.94
19.	Cadangan Membina Pembentung Dan Meninggikan Aras Jalan Di Seksyen 430.500 – 430.800 Jalan Persekutuan, Laluan 3 Kg. Labohan Mukim Kerteh, Daerah Kemaman.	J.K.R KEMAMAN	226,592.20	27.08.94 20.11.94
20.	Membina Dan Menyiapkan Sistem Perparitan Jejari Di Jalan Haji Busu Melalui Hadapan Istana Al-Muktafi Billah Shah Ke Restoran Nil Kuala Terengganu.	M.P.K.T	549,580.00	21.08.94 29.03.95

PROSES PEROLEHAN TENDER

21.	Kerja – Kerja Mnurap Semula Serta Menyiapkan Jalan Tar (premix) Dan Lain – Lain Kerja Di Bazar MARA, Wakaf Tengah, Kuala Terengganu Sepanjang 905.20m x 26.00m	MARA	23,535.20	07.05.95 12.07.95
22.	Membina Serta Menyiapkan Kerja – Kerja Siteable Di Tapak Perindustrian Batu Rakit Kuala Terengganu, Terengganu.	PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU	38,000.00	07.05.95 03.07.95
23.	Membina Serta Menyiapkan Kerja – Kerja Menaikan Taraf Jalan (tar) Dan Lain – Lain Kerja Yang Berkaitan Di Bukit Cempaka, Kuala Nerus, Kuala Terengganu. (1220 m x 3.04m & 560m x 3.04m)	PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU	38,282.88	17.05.95 30.05.95

BAB 3

TEORITIKAL

3.1 Pengenalan

Perkembangan industri pembinaan di Malaysia merupakan salah satu faktor yang meningkatkan kemajuan di samping membuka peluang pekerjaan kepada rakyat secara lebih meluas. Dengan terdirinya bangunan yang tinggi dan besar serta bentuk binaan yang moden akan membuka mata dunia untuk mengenali Malaysia dengan lebih dekat. Kerja-kerja dalam industri binaan terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

1. Kerja Pembinaan Bangunan

Meliputi kesemua bentuk pembinaan yang boleh dikelaskan dalam kategori bangunan.


2. Kerja Kejuruteraan Awam

Meliputi kesemua jenis pembinaanyang tidak termasuk dalam kategori bangunan seperti lebuh raya, jambatan, terowong, jalan raya, empangan dan sebagainya.

Bagi menjamin kelicinan perjalanan sesuatu projek binaan sudah tentu memerlukan pengurusan atau sistem yang lebih teratur dan sistematik. Pengurusan awal yang terlibat dalam perlaksanaan sesuatu projek dikenali sebagai proses perolehan tender.

3.2 Proses Perolehan Tender

Beberapa proses yang terlibat telah dikenalpasti sebelum sesuatu tender diperolehi oleh sesebuah syarikat. Berikut adalah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menilai sesuatu tender dan menganugerahkannya kepada mana-mana kontraktor yang layak serta mematuhi setiap syarat yang telah ditetapkan.



Rajah 3.1: Carta Alir Teoritikal Proses Perolehan Tender.

Sumber: Jabatan Kerja Raya (JKR)

3.2.1 Perancangan

Kementerian dan agensi dikehendaki merancang perolehan. Bagi maksud ini jenis item/perolehan hendaklah ditentukan, carta/jadual proses disediakan, peruntukan kewangan disemak, kontraktor/pembekal dan kepala/sub kepala/gred dan kod bidang pendaftaran dikenalpasti dan kajian pasaran dilakukan.

3.2.2 Spesifikasi

Kementerian dan Jabatan dikehendaki menyediakan spesifikasi tender. Bagi maksud ini, Jawatankuasa Spesifikasi perlu ditubuhkan. Spesifikasi hendaklah secara terperinci bagi memberi gambaran secara jelas kepada petender akan apa yang diperlukan atau yang dikehendaki. Spesifikasi tersebut hendaklah berasaskan kepada fungsi dan *performance* dengan kepatuhan kepada *standard* antarabangsa *or equivalent* boleh dimasukkan ke dalam spesifikasi tersebut.

Spesifikasi yang menjurus kepada sesuatu jenama atau negara ditegah sama sekali. Petender boleh membantah di dalam 14 hari dari tarikh tender diiklankan jika spesifikasi tersebut menjurus kepada sesuatu jenama bagi tender tempatan dan 28 hari bagi tender antarabangsa.

Maklumat yang diperlukan diabstrak dari lukisan dan diterangkan sebegitu rupa kerana tidak dapat diterangkan di bahagian lain. Ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu keterangan pertukangan kerja dan keterangan bahan dan mutu kerja. Di dalam keterangan pertukangan seperti kerja cerucuk, kerja penggalian, tukang konkrit, penerap batu bata, tukang bumbung, dinyatakan mengenai sesuatu kadar harga itu hendaklah mengandungi contohnya harga pembersih, penutup,

penyambung, pembuangan dan sebagainya. Iaitu mengenai cara melaksanakan sesuatu kerja. Sebaliknya keterangan bahan dan mutu kerja adalah berkenaan bahan-bahan seperti konkrit, di mana diterangkan jenis simen, batu baur, cara menbancuh mengikut, mencurah dan sebagainya.

Butir-butir spesifikasi lazimnya mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Jenis
2. Warna
3. Saiz
4. Berat
5. Bentuk/ukuran
6. Kualiti
7. Pembungkusan
8. Cara penghantaran
9. Nisbah kandungan
10. Tempoh masa
11. Bilangan yang diperlukan
12. Perolehan secara pukal
13. Jumlah tenaga manusia
14. Tahap kepakaran/ kelulusan
15. Keupayaan minimum
16. Butir-butir lain yang berkaitan.

3.2.3 Dokumen Tender

Langkah pertama yang dilakukan dalam proses tender ialah menyediakan dokumen tender yang merujuk kepada keperluan-keperluan klien dan projek secara keseluruhan. Dokumen tender ialah dokumen yang mengandungi kesemua keperluan projek dan klien yang digunakan oleh pihak kontraktor untuk menyertai sesuatu projek.

Dokumen Tender dikenakan bayaran dengan harga minima sebanyak RM50. Kandungan Dokumen Tender akan meliputi syarat-syarat dan terma am, spesifikasi, salinan perjanjian, jadual harga, tempoh penghantaran, tempoh bantahan dan skop kerja yang diperlukan.

Kandungan Dokumen Tender:

1. Arahan Kepada Petender
2. Borang Tender
3. Borang Kontrak
4. Spesifikasi
5. Borang Setuju Terima Tender
6. Senarai Kerja Pendahuluan
7. Senarai Kuantiti/Ringkasan Tender
8. Ringkasan Akhir
9. Lampiran
10. Lukisan

3.2.4 Iklan Tender

Setiap tender tempatan yang dikeluarkan hendaklah diiklankan di dalam sekurang-kurangnya sebuah akhbar tempatan bahasa Melayu, bagi tender antarabangsa, iklan tersebut akan diiklankan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu Bahasa Melayu dan satu Bahasa Inggeris serta pemberitahuan juga dihantar kepada Embassy dan High Commission negara-negara yang sesuai dan boleh mengambil bahagian di dalam tender tersebut. Bagi tender yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan, iklan tender juga akan dipaparkan di dalam *homepage* BPPK.

Petender diberi tempoh tidak kurang daripada 21 hari untuk mengemukakan tawaran bagi tender tempatan dan tidak kurang dari 56 hari bagi tender antarabangsa. Kenyataan di dalam iklan tender hendaklah jelas, kemas dan ringkas. Sesuatu iklan tender hendaklah merangkumi:

- 1) Jabatan yang memanggil tender
- 2) tajuk tender
- 3) jenis tender
- 4) syarat-syarat kelayakan memasuki tender seperti:
 - a. kelas, kepala dan sub kepala di dalam pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
 - b. tempat, tarikh dan masa dokumen tender dijual
 - c. harga, cara dan jawatan penerima bayaran dokumen tender
 - d. tempat, tarikh dan waktu tender diterima dan ditutup

3.2.5 Proses Jual Beli Tender

Dokumen Tender akan dijual mulai tarikh iklan tender tersebut dibuat di dalam akhbar tempatan. Hanya kontraktor/pembekal yang memenuhi syarat-syarat pendaftaran dalam bidang yang berkenaan dibenarkan membeli Dokumen Tender tersebut. Bagi tender antarabangsa, pengecualian diberikan dari syarat-syarat keperluan pendaftaran.

Bayaran yang dikenakan ke atas dokumen tender lengkap dengan lukisan tender akan dikira terlebih dahulu oleh pihak yang bertanggungjawab berdasarkan muka surat dokumen tender serta lukisan tender. Pengiraan adalah berdasarkan harga-harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan, iaitu :-

i) Harga semuka dokumen yang menggunakan kertas bersaiz A4 adalah RM0.35 dan saiz A3 adalah RM0.70.

ii) Harga bagi sesalinan lukisan / pelan ialah:-

Saiz Kertas	Harga
A3	RM0.70
A2	RM3.50
A1	RM6.50
A	RM8.00

iii) Bayaran minimum bagi satu set dokumen tender ialah RM50.00.

Dokumen Tender bagi JKR biasanya berharga dari RM200.00 sehingga RM400.00 termasuk pelan dan lukisan spesifikasi. Kebiasaannya bagi sektor swasta, harga dokumen tender perlu juga dimasukkan wang kesungguhan yang biasanya dalam bentuk bank draf. Harganya adalah dalam lingkungan RM2000.00 sehingga RM3000.00 tetapi tidak melebihi RM5000.00, bergantung kepada saiz projek yang terlibat.

3.2.6 Deposit Tender

Pembekal/kontraktor tempatan yang telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan/Pusat Khidmat Kontraktor dikecualikan dari mengemukakan deposit tender. Bagi tender antarabangsa, petender asing diperlukan mengemukakan deposit tender bernilai antara RM62, 500 bagi tawaran kurang dari RM5 juta sehingga deposit bernilai RM1 juta bagi tawaran bernilai RM30 juta bagi tender bekalan dan perkhidmatan. Bagi tender kerja, petender dikehendaki mengemukakan deposit tender bernilai RM50, 000 bagi kontrak di bawah RM10 juta sehingga deposit bernilai RM1 juta bagi kontrak kerja bernilai RM100 juta.

3.2.7 Masa Tutup Tender

Agensi mestilah menetapkan jam 12.00 tengahari pada hari tawaran ditutup sebagai waktu akhir untuk menerima dokumen tender daripada petender. Tender lewat tidak boleh diterima. Tender mahupun sebut harga yang diterima tanpa dibuka hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran berkunci. Peti tawaran hendaklah ditanda tarikh dan waktu peti akan dibuka. Dua kunci yang berbeza bagi peti tawaran hendaklah diadakan dan anak kunci dipegang secara berasingan oleh dua orang pegawai kanan Jabatan berkenaan. Keselamatan peti tawaran hendaklah sentiasa dijaga.

Biasanya tempoh antara penyediaan tender hingga penutupan tender adalah minima antara 21 hari. Namun tempoh ini akan lebih lama jika membabitkan projek yang lebih besar kosnya. Sebelum menghantar sesuatu dokumen tender itu, kontraktor hendaklah menyemak pada iklan tarikh tutup dan tempat mengemukakan tender kerana ia mungkin berbeza dengan tempat membeli tender. Kontraktor juga perlu memastikan tajuk dan nombor projek dicatatkan di luar sampul surat tender.


Borang Tender hendaklah dimasukkan ke dalam peti yang bertulis tajuk projek berkenaan sebelum pukul 12 tengahari. Begitu juga jika borang tersebut dihantar melalui mel udara. Penghantaran borang tender selepas masa dan tarikh tersebut tidak akan dilayan. Satu lagi perkara penting dalam menghantar Borang Tender adalah elakkan menggabungkan dua tender dalam satu sampul walaupun kedua-dua tender tersebut mempunyai tarikh tutup yang sama kerana projek yang berlainan mempunyai peti yang berbeza dan dalam kes ini, kerugian adalah bagi pihak kontraktor itu sendiri.

3.2.8 Jawatankuasa Pembuka Tender

Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah terdiri dari sekurang-kurangnya dua pegawai dimana seorang daripadanya hendaklah pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang dilantik oleh Ketua Jabatan untuk membuka peti tawaran dan tawaran yang diterima.

3.2.8 Penilaian Tender

Bagi tender bekalan dan perkhidmatan, penilaian tender hendaklah dibuat oleh dua (2) Jawatankuasa yang berasingan iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga. Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah terdiri daripada pegawai yang mempunyai kemahiran, pengalaman serta kelayakan mengenai barangan/perkhidmatan tersebut. Bagi penilaian harga, penilaian boleh dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Harga atau oleh Pegawai Penilai yang terdiri daripada pegawai yang mahir serta berpengalaman dalam bidang tersebut. Bagi penilaian tender kerja ianya hendaklah dilakukan oleh satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh tidak kurang daripada dua (2) orang pegawai. Salah seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada jurukur bahan atau pegawai teknikal dalam bidang berkenaan. Laporan Penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli jawatankuasa.




Rajah 3.2.8: Faktor Penilaian Tender

Sumber: Alsugair 1999

3.2.10 Pemilihan Tender Yang Berjaya

Laporan daripada Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga hendaklah dirangkumkan untuk mendapatkan syor dan perakuan berasaskan tawaran terendah yang dinilai dan boleh diterima (*the lowest evaluated and acceptable tender*). Pegawai yang memproses tender adalah bertanggungjawab menyediakan perakuan kepada Lembaga Perolehan berdasarkan tender yang paling menguntungkan Kerajaan. Faktor-faktor seperti harga, latar belakang syarikat, tempoh siap/penghantaran, kualiti, rekod-rekod yang lalu hendaklah dijadikan asas pemilihan.



Rajah 3.2.10: Susunan Kriteria Dengan Nilai Jangkaan Paling Besar Serta Nilai Jangkaan Paling Rendah

Sumber: Hatush, 1997

3.2.11 Lembaga Perolehan/Tender

Lembaga Perolehan/Tender Kementerian atau Jabatan adalah diberikuasa menimbang serta menyetujui tender sehingga RM50 juta bagi tender kerja dan RM30 juta bagi tender bekalan dan perkhidmatan. Bagi tender yang melebihi had nilai yang dibenarkan atau tender yang keputusannya tidak sebulat suara atau bagi Jabatan-jabatan yang tidak mempunyai Lembaga Perolehan sendiri, perakuan tender hendaklah dikemukakan ke Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.

Semua tender bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai tidak melebihi RM30 juta dan sehingga RM50 juta bagi tender kerja adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Perolehan Kementerian atau Jabatan.

3.2.12 Surat Niat

Surat Niat akan dikeluarkan kepada petender yang berjaya jika perlu. Surat tersebut boleh mengandungi syarat dan terma tambahan bagi memastikan kontrak tersebut berjaya dilaksanakan dan bagi memenuhi dasar-dasar dan aspirasi Kerajaan. Surat Niat tidak *legally binding*. Apabila Surat Niat dikeluarkan, rundingan boleh diadakan dengan petender untuk membincangkan syarat dan terma tambahan atau apa-apa perubahan-perubahan. Keputusan muktamad bagi penerimaan tender adalah berdasarkan kepada rundingan yang berjaya dengan/atau setujuterima syarat dan terma tambahan.

3.2.13 Surat Setuju Terima

Jika tawaran petender diterima tanpa apa-apa perubahan Surat Setujuterima boleh dikeluarkan. Jika Surat Niat dikeluarkan dahulu maka selepas rundingan diadakan dan persetujuan dicapai atas apa-apa perubahan, Surat Setujuterima hendaklah dikeluarkan. Surat Setujuterima tersebut hendaklah ditandatangani dan dikembalikan kepada agensi bagi penyediaan kontrak. Surat Setujuterima merupakan dokumen *legal* dan ianya merupakan sebahagian daripada kontrak.

3.2.14 Kontrak

Kontrak secara formal akan dibuat selepas diterima Surat Setujuterima dari petender yang berjaya. Petender tersebut dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan daripada bank-bank, institusi kewangan atau syarikat insurans yang menjalankan perniagaan di Malaysia. Nilai Bon Pelaksanaan adalah berdasarkan kepada nilai kontrak seperti berikut:-

2.5% nilai kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000;

5.0% nilai kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang melebihi RM500,000; dan

5.0% nilai kontrak bagi kontrak kerja.

3.2.15 Syarat-syarat Penyertaan Tender

Semua Perolehan Kerajaan hendaklah dibuat daripada kontraktor yang pendaftarannya masih berkuatkuasa. Pihak berkuasa bagi pendaftaran pembekal dalam bidang bekalan dan perkhidmatan ialah Kementerian Kewangan manakala bagi kontraktor kerja ialah Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPIM). Pengecualian hanya dibenarkan bagi perolehan yang tidak melebihi RM10,000 setahun bagi bekalan dan perkhidmatan mengikut AP 184.2(a).

3.2.16 Kontrak Pusat

Perbendaharaan akan menguruskan kontrak pusat bagi barangan gunasama dari semasa ke semasa. Semua Jabatan hendaklah menggunakan kontrak pusat apabila membeli barangan gunasama yang terdapat di dalam kontrak pusat yang diuruskan oleh Perbendaharaan, melainkan mendapat pengecualian Perbendaharaan terlebih dahulu.


BAB 4

KAJIAN KES

4.1 Pengenalan

Berpandukan kepada bahagian teoritikal proses perolehan tender yang diterangkan dalam halaman Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), saya telah memilih satu tender yang telah diperolehi oleh Syarikat MSA Bina Sdn. Bhd. sebagai kajian kes saya. Kajian kes ini dibuat adalah untuk memberi kefahaman yang lebih jelas tentang proses perolehan sesuatu tender berdasarkan daripada pandangan kontraktor. Cadangan projek pembinaan yang ditawarkan ialah Projek Pembinaan Kompleks Akademik (Fasa 1) Universiti Darul Iman bertempat di kampus KUSZA, Kuala Terengganu yang melibatkan beberapa buah syarikat iaitu W&W Architect, Wan Husin & Associates Sdn. Bhd, MECIP (M) Sdn. Bhd, W&K Perunding Ukur Bahan dan MSA Bina Sdn. Bhd. Projek yang bernilai sebelas juta ringgit ini dimiliki penuh oleh pihak Universiti Darul Iman Malaysia (UDM). Tempoh yang dianggarkan untuk projek ini disiapkan ialah selama lapan belas bulan. Beberapa proses yang terlibat dalam perolehan tender ini adalah:

PROSES PEROLEHAN TENDER



Rajah 4.1: Carta Alir Proses Perolehan Tender

4.2 Pengiklanan Kenyataan Tawaran Dalam Surat Khabar

Kenyataan tender ini diiklankan dalam akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia bertarikh 22/9/2008. Logo yang terletak di atas kenyataan tawaran ini menunjukkan projek yang ditawarkan adalah di bawah hak milik Universiti Darul Iman, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Tender ini mempelawa kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan.

Kenyataan ini mengandungi nombor dan butiran tawaran, kelayakan, tarikh/masa/tempat taklimat, tarikh/tempat/harga jualan dan terimaan dokumen tawaran. Projek pembinaan yang ditawarkan ialah “Cadangan Projek Pembinaan Kompleks Akademik (Fasa1) Universiti Darul Iman bertempat di kampus KUSZA, Kuala Terengganu”.

Kelayakan petender hanyalah diberikan kepada kontraktor kelas “A” yang berdaftar dengan PKK, kepala: II, subkepala: 2(a). Kontraktor yang memohon hendaklah menyertakan salinan sijil PKK & CIDB semasa taklimat tender dilancarkan.


Taklimat tender diadakan pada 28hb Julai 2008 jam 9.30 pagi bertempat di Foyer Bangunan, Pentadbiran Kampus KUSZA. Tender ini mulai dijual pada 28hb Julai 2008 sehingga 18hb Ogos 2008 di Kaunter Kewangan Jabatan Bendahari Aras 1, Bangunan Canseleri Universiti Darul Iman Kampus Kota, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu. Dokumen tender ini berharga RM 600.00 senaskhah dan naskhah meja tender boleh disemak mulai 22hb Julai 2008 di Jabatan Bendahari Aras 1, Bangunan Canseleri Universiti Darul Iman.

Dokumen tender hanya wajib dibeli oleh kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja. Dokumen tender ini dibayar dalam bentuk bank draf atau wang pos atas nama

PROSES PEROLEHAN TENDER

Bendahari Universiti Darul Iman Malaysia. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dikembalikan kepada Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan, Aras 1, Bangunan Pentadbiran Universiti Darul Iman Malaysia, Kampus KUSZA, Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu berserta nombor rujukan tender yang ditulis di sebelah kiri sampul surat. Sebarang kelewatan dalam penyerahan tender dari tarikh tutup iaitu 18 hb Ogos 2008 jam 12 tengah hari tidak akan dipertimbangkan. Waktu jualan tender ialah:

Ahad – Rabu : 8.30 pagi – 12.45 tengah hari, 2.30 petang – 4.15 petang
Khamis : 8.30 pagi – 12.45 tengah hari, 2.30 petang – 4.00 petang



Gambarfoto 4.2: Pengiklanan kenyataan tawaran

Sumber: Berita Harian & Utusan Malaysia

4.3 Lawatan Tapak Oleh Petender

Lawatan tapak wajib dijalankan oleh petender bertarikh 28 Julai 2008. Aktiviti melawat tapak wajib dilaksanakan atas kehendak klien untuk memberi peluang kepada petender meninjau keadaan persekitaran tapak sebelum membeli dokumen tender. Maklumat yang diperolehi semasa melawat tapak sedikit sebanyak berguna dalam proses melengkapkan dokumen tender. Antara dokumen-dokumen yang perlu dibawa oleh petender semasa melawat tapak ialah:

1. Perakuan Pendaftaran Asal atau Kad Perakuan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan berserta salinan
2. Sijil Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor berserta salinan

Lawatan tapak ini telah disertai oleh Pengurus Projek MSA Bina Sdn. Bhd. iaitu Encik Abdul Aziz Bin Ab Manaf bersama dua orang penyelia tapak di MSA Bina Sdn. Bhd.



Gambarfoto 4.3: Dokumen yang perlu dibawa semasa lawatan tapak

4.4 Proses Pembelian Dokumen Tender

Seperti dinyatakan dalam kenyataan tawaran, dokumen tender hendaklah dibeli di Kaunter Kewangan Jabatan Bendahari Aras 1, Bangunan Canseleri Universiti Darul Iman Malaysia Kampus Kota, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu bertarikh 28/7/2008 sehingga 18/8/2008. Dokumen ini dijual pada hari dan masa:

Ahad hingga Rabu : 8.30 hingga 12.45 tengah hari
2.30 petang hingga 4.15 petang

Khamis : 8.30 hingga 12.45 tengah hari
2.30 petang hingga 4.00 petang

Dokumen-dokumen berikut akan diserahkan kepada Petender selepas membayar yuran dokumentasi:-

Arahan kepada Petender, Borang Tender, Syarat-syarat Kontrak, Pengukuran dan Faktor Menghargakan Senarai Kuantiti, Ringkasan Akhir Tender, Kerja-kerja Awalan, Senarai-senarai Kuantiti Untuk Kerja Cerucuk, Kerja-kerja Bangunan, Kerja di Sekitar Bangunan, Wang Peruntukan Sementara, Wang Kos Prima, Senarai-senarai Lukisan Yang Diberikan Kepada Penender dan Untuk Penyediaan Senarai Kuantiti.

